

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

1. Adakah Kerajaan Negeri akan menaikkan syarat kelayakan penyewaan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Taman Bagan Jaya kepada isi rumah berpendapatan RM1,700.00 sebulan selari dengan pengumuman Kerajaan yang mensyaratkan kadar gaji minimum kepada semua majikan adalah sebanyak RM1,700.00 sebulan berkuat kuasa 1 Februari 2025?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Fokus utama Program Perumahan Rakyat (PPR) adalah bagi menyediakan kediaman yang selesa, berkualiti dan mampu milik kepada golongan berpendapatan rendah yang layak. Tiada keperluan buat masa ini untuk menetapkan syarat had pendapatan isi rumah sebanyak RM1,700.00 untuk memohon unit PPR. Sistem penggiliran penyewaan setiap tiga (3) tahun bagi penyewa yang layak dilihat lebih efektif berbanding menaikkan had pendapatan.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang tiada perancangan untuk meningkatkan had pendapatan isi rumah sebanyak RM1,700.00 sebagai salah satu (1) syarat kelayakan untuk memohon unit PPR memandangkan masih terdapat pemohon yang layak dengan pendapatan di bawah kadar RM1,500.00 dalam senarai menunggu PPR. Penetapan ini selaras dengan matlamat asal program untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan miskin tegar untuk mendiami tempat tinggal yang selamat dan sejahtera.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

2. Nyatakan jumlah pengurangan sisa pepejal yang berjaya dicapai hasil pelaksanaan Material Recovery Facility (MRF) dan Gasification Plant di Pusat Transit Sampah Ampang Jajar.
 - (a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah dibelanjakan bagi maksud tersebut dan tempoh jangkaan pulangan modal (ROI)?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

2. Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu (*Integrated Solid Waste Management Centre – ISWMC*) di Ampang Jajar dijadualkan untuk memulakan pengoperasian pada Februari 2026. Setelah beroperasi, pusat ini dijangka dapat mengurangkan jumlah sisa pepejal sebanyak 325 tan sehari pada tahun pertama dan kadar pengurangan tersebut dijangka meningkat kepada 585 tan sehari dalam tempoh lima (5) tahun.

Bagi komponen Loji Gasifikasi (*Gasification Plant*), dianggarkan sebanyak 685 MMBtu (*Million British Thermal Units*) gas bio-metana dapat dihasilkan setiap hari, bersamaan purata 250,000 MMBtu setahun.

- (a) Projek ini dibiayai sepenuhnya oleh pihak syarikat, manakala Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) hanya

perlu membayar caj fi pelupusan sisa (*tipping fees*) setelah pengoperasian dimulakan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

3. Adakah pemindahan Klinik Kesihatan Mak Mandin ke Bagan Ajam (akan dikenali Klinik Kesihatan Bagan Ajam) akan melibatkan kerja-kerja pelebaran jalan dan penambahan lorong di Jalan Thamby Kecil bagi mengatasi kesesakan trafik?
 - (a) Berapakah jumlah petak parkir kenderaan yang akan disediakan dalam kawasan klinik baru berbanding di KK Mak Mandin?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Pemindahan Klinik Kesihatan Mak Mandin ke Bagan Ajam yang akan dikenali sebagai Klinik Kesihatan Bagan Ajam tidak melibatkan kerja-kerja pelebaran jalan dan penambahan lorong di Jalan Thamby Kecil. Walau bagaimanapun, pembinaan satu (1) lorong nyahpecutan (*deceleration lane*) akan dilaksanakan bagi laluan masuk utama ke kawasan klinik, tertakluk kepada rizab jalan sedia ada seluas 50 kaki yang akan diserahkan kepada Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Kerja-kerja penyambungan serta pembinaan keseluruhan jajaran jalan di dalam rizab 50 kaki di luar kawasan tapak projek adalah di bawah tanggungjawab MBSP.
 - (a) Sejumlah 155 petak parkir kereta, empat (4) petak parkir khas Orang Kurang Upaya (OKU) dan 82 petak parkir motosikal akan disediakan di Klinik Kesihatan Bagan Ajam. Bilangan petak parkir kenderaan di sini adalah lebih banyak berbanding di Klinik Kesihatan Mak Mandin yang mempunyai 76 petak parkir kereta, empat (4) petak parkir OKU dan 30 petak parkir motosikal sahaja.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

4. Apakah peranan Kerajaan Negeri dalam menyokong sekolah-sekolah di bawah pentadbiran persatuan ibu bapa dan guru (PIBG) yang berdepan kekangan kewangan bagi menganjurkan aktiviti pelajar?
 - (a) Adakah Kerajaan Negeri sedia memperuntukkan sejumlah dana untuk membantu PIBG-PIBG di seluruh Negeri Pulau Pinang?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Kerajaan Negeri Pulau Pinang mempunyai pelbagai inisiatif dan peruntukan untuk menyokong sekolah-sekolah di negeri tersebut, termasuk membantu Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang berdepan kekangan kewangan bagi menganjurkan aktiviti pelajar. Beberapa cara dan inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyalurkan sokongan termasuk:
 - (i) Peruntukan Pembangunan Pendidikan Tahunan

Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara konsisten memperuntukkan dana yang besar dalam belanjawan tahunannya untuk sektor pendidikan di negeri. Peruntukan ini disalurkan kepada pelbagai jenis sekolah, termasuk sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, dan

sekolah swasta yang tertentu. Oleh itu, sebahagian daripada peruntukan ini boleh digunakan untuk menyokong aktiviti pelajar dan pembangunan sekolah yang diuruskan oleh PIBG;

(ii) Pemberian Dana Program Secara Permohonan

Kerajaan Negeri melalui Pejabat EXCO Pendidikan dan Pengajian Tinggi sentiasa terbuka untuk menerima permohonan berkaitan program yang akan dianjurkan oleh pihak PIBG jika program tersebut memberi kebaikan kepada pelajar di sekolah. Peruntukan ini juga tertakluk kepada kedudukan semasa kewangan Kerajaan Negeri;

(iii) Kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)

Kerajaan Negeri bekerjasama rapat dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) untuk memastikan bantuan disalurkan secara efisien dan telus kepada sekolah yang memerlukan. Pihak sekolah melalui PIBG perlu mengikut prosedur permohonan yang ditetapkan untuk mendapatkan bantuan ini; dan

(iv) Inisiatif Bantuan Awal Persekolahan dan Biasiswa Kecil Negeri (BKN)

Kerajaan Negeri juga mempunyai inisiatif lain yang secara tidak langsung meringankan beban kewangan ibu bapa seperti bantuan awal persekolahan, pembelian peralatan dan Biasiswa Kecil Negeri (BKN). Hal ini membolehkan ibu bapa menumpukan sumber kewangan mereka kepada yuran PIBG atau aktiviti tambahan yang lain.

(a) Sehingga kini, Kerajaan Negeri tidak menyediakan apa-apa peruntukan khas kepada PIBG sekolah di Negeri Pulau

Pinang. Namun begitu, pihak PIBG boleh menghantar permohonan untuk dipertimbangkan berdasarkan kedudukan semasa kewangan Kerajaan Negeri. Hal ini kerana Kerajaan Negeri sentiasa komited memberikan sokongan kewangan dan infrastruktur yang ketara kepada sekolah dalam memastikan aktiviti pelajar dapat dijalankan dengan baik walaupun terdapat kekangan kewangan. Oleh itu, pihak PIBG dapat mengalihkan fokus dana PIBG yang terhad untuk menganjurkan aktiviti lain demi kepentingan dan kebajikan pelajar.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

5. Apakah cadangan Kerajaan Negeri bagi menyuraikan kesesakan trafik di persimpangan lampu isyarat Lebuh Raya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) dekat Bagan Ajam pada waktu pagi dan peningkatan trafik pada waktu kemuncak?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

5. Cadangan Kerajaan Negeri bagi menyuraikan kesesakan trafik di persimpangan lampu isyarat Lebuh Raya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) berdekatan kawasan Bagan Ajam pada waktu puncak pagi dan petang adalah seperti berikut:
 - (a) Pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) telah membuat pemantauan dan mengenal pasti permasalahan yang terlibat dengan mengambil tindakan penambahan bilangan pegawai penguat kuasa untuk bertugas di persimpangan utama lampu isyarat BORR pada waktu puncak pagi dan petang bagi mengawal aliran kenderaan dan memastikan tiada pemandu memotong barisan sehingga mengganggu aliran trafik. Pihak PDRM berkomited untuk membuat pemantauan secara berkala dari semasa ke semasa bagi menangani isu kesesakan trafik di kawasan tersebut; dan
 - (b) Pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) mempunyai perancangan bagi projek menaik taraf persimpangan BORR (Seksyen 765) ke Permatang Pak Elong (Sek.773) FT001, Seberang Perai Utara. Perancangan projek ini masih di peringkat reka

bentuk dan proses pengambilan balik tanah yang merupakan projek sambungan kepada projek naik taraf Laluan FT001 yang telah siap pembinaan pada tahun 2022. Projek ini juga dijangka dapat meningkatkan kelancaran trafik dan mengurangkan kesesakan lalu lintas terutamanya pada waktu puncak di persimpangan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

6. Senaraikan jumlah dan lokasi penternak lembu yang menjalankan aktiviti penternakan tanpa lesen di sekitar kawasan Parlimen Bagan.
- (a) Apakah tindakan penguatkuasaan yang telah diambil terhadap aktiviti ternakan lembu haram bagi mengelak pencemaran dan gangguan kepada penduduk setempat?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

6. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mengenal pasti seramai lima (5) orang penternak lembu tanpa lesen di sekitar kawasan Parlimen Bagan iaitu empat (4) orang penternak di sekitar Kampung Tok Sani, Butterworth dan satu (1) orang penternak di sekitar Kampung Benggali, Butterworth.
- (a) Antara tindakan penguatkuasaan yang telah diambil oleh Bahagian Veterinar MBSP terhadap aktiviti penternakan lembu haram bagi mengelakkan pencemaran dan gangguan kepada penduduk setempat adalah seperti berikut:
- i. Mengeluarkan kompaun di bawah Undang-undang Kecil Bayaran Lesen MPSP 1980 (kompaun tanpa lesen);
 - ii. Mengeluarkan notis di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 [*Akta 171*] supaya tidak melepaskan ternakan lembu berkeliaran di kawasan awam;

- iii. Mengeluarkan kompaun di bawah Undang-undang Kecil Haiwan Merayau MPSP 1990; dan
- iv. Rondaan dan pemantauan berkala bagi operasi tangkapan ternakan lembu yang merayau di kawasan-kawasan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

7. Apakah status terkini rancangan pelaksanaan Pembaharuan Semula Bandar (PSB) bagi Projek Perumahan Taman Mesra, Bagan Lalang yang melibatkan 23 blok rumah kediaman kos rendah berbilang tingkat dan merangkumi sebanyak 816 petak?
 - (a) Bilakah tapak pembangunan unit rumah gantian akan bermula sebelum blok-blok kediaman sedia ada dibangunkan semula secara berfasa?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah melantik Perunding Pengurusan Projek (PMC) yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Perolehan LPNPP pada 14 Oktober 2025. Seterusnya, LPNPP kini sedang dalam perancangan untuk mengadakan Sesi Libat Urus (SLU) bersama pemilik-pemilik rumah Taman Mesra buat kali kedua bagi memberikan penerangan lanjut berkaitan cadangan konsep Pembaharuan Semula Bandar (PSB) Taman Mesra. SLU tersebut dicadang untuk diadakan pada bulan Disember 2025.
 - (a) Pelaksanaan Projek PSB Taman Mesra masih di peringkat awal perancangan dan akan dimuktamadkan setelah pelantikan pemaju melalui proses *Request for Proposal (RFP)* yang dijangka akan dilaksanakan pada sukuan pertama tahun 2026.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

8. Apakah langkah mitigasi yang dirancang bagi kawasan Sungai Puyu dan Bagan Ajam yang dijangka terkesan dengan peningkatan aliran kenderaan semasa pelaksanaan projek penyuraian trafik di antara Plaza Tol Juru dan Sungai Dua?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama-sama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sebagai agensi pelaksana sedang dalam proses melaksanakan kerja-kerja bagi Projek Penyuraian Trafik di antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua, Pulau Pinang di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan kawasan sekitar (PTJSD). Projek ini telah diluluskan di bawah Rolling Plan 5 (RP5), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Antara langkah mitigasi yang dirancang bagi kawasan Sungai Puyu dan Bagan Ajam yang dijangka terkesan dengan peningkatan aliran kenderaan semasa pelaksanaan projek ini adalah:

- (i) Penyediaan Pelan Pengurusan Trafik (TMP) oleh kontraktor dilantik yang merangkumi laluan alternatif, penutupan lorong berperingkat dan kawalan trafik di persimpangan utama;
- (ii) Pemasangan papan tanda tunjuk arah sementara dan tetap dipasang di laluan utama dan laluan alternatif supaya

pemandu dapat menyesuaikan haluan sebelum tiba di kawasan kerja;

- (iii) Penjadualan kerja pembinaan di luar waktu puncak bagi mengurangkan kesesakan;
- (iv) Penyediaan laluan lencongan sementara serta penempatan flagman (petugas kawalan trafik) di lokasi strategik bagi membantu pengaliran kenderaan dan keselamatan pengguna;
- (v) Pihak kontraktor yang dilantik di bawah KKR turut dikehendaki mengemukakan langkah mitigasi khusus bagi kawasan Sungai Puyu, Bagan Ajam serta jalan-jalan tempatan yang berpotensi terjejas, bagi mengelakkan kesesakan dan gangguan trafik sepanjang tempoh pelaksanaan projek;
- (vi) Pemantauan bersama KKR, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS), Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) bagi memastikan pelaksanaan TMP berjalan lancar dan tidak menjejaskan jalan tempatan;
- (vii) Penyampaian Makluman kepada Pengguna Jalan mengenai maklumat terkini akan disampaikan secara berkala melalui media sosial dan saluran rasmi. Tujuannya adalah untuk membolehkan penduduk serta pengguna jalan, terutamanya di kawasan seperti Sungai Puyu dan Bagan Ajam membuat perancangan awal perjalanan;
- (viii) Penempatan papan tanda di lokasi strategik dimana diletakkan pada jarak yang mencukupi sebelum kawasan kerja agar pengguna jalan mempunyai masa untuk menukar lorong atau haluan tanpa tergesa-gesa. Termasuk kawasan sekitar Sungai Puyu, Bagan Ajam, dan susur keluar ke Lebuhraya Utara-Selatan;
- (ix) Pemasangan papan tanda yang mencukupi dan maklumat tepat di mana pengguna tidak akan keliru atau tersilap jalan, sekali gus mengelakkan *bottleneck* atau punca kesesakan tambahan; dan

- (x) Pemeriksaan dan penyelenggaraan berkala papan tanda sementara akan diperiksa secara rutin untuk memastikan ia kekal dalam keadaan baik, jelas kelihatan pada waktu siang dan malam, serta tidak dihalang oleh kerja-kerja pembinaan.

Semua langkah mitigasi ini perlu dikemukakan oleh pihak KKR atau kontraktor yang dilantik, termasuk TMP, untuk kelulusan jabatan-jabatan teknikal sebelum pelaksanaan projek.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

9. Apakah status terkini rancangan pelaksanaan Skim Perumahan Sewa Beli (*Rent to Own*) melibatkan penduduk di Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Bagan Jaya?
- (a) Berapakah jumlah penduduk yang masih belum menyelesaikan tunggakan?
 - (b) Bilakah kerja-kerja pembaikan kebocoran bumbung di tingkat atas yang dilaporkan sudah begitu lama akan dilaksanakan?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Pelaksanaan cadangan penukaran Skim Sewa Beli (*Rent to Own* – RTO) di Program Perumahan Rakyat (PPR) Taman Bagan Jaya tidak dapat dilaksanakan pada masa ini memandangkan sebahagian besar penyewa masih mempunyai tunggakan sewa yang tinggi. Kerajaan Negeri masih memerlukan unit-unit sewaan di PPR Taman Bagan Jaya bagi memenuhi keperluan golongan berpendapatan rendah, selaras dengan matlamat menyediakan kediaman mampu milik kepada rakyat yang benar-benar memerlukan.

Pada masa yang sama, proses pemutihan sedang dijalankan bagi mengenal pasti dan menangani unit-unit yang telah hilang kelayakan. Tindakan penguatkuasaan akan diambil secara menyeluruh di semua skim PPR dan Rumah Sewa Kerajaan Negeri (RSKN) di seluruh Negeri Pulau Pinang bagi memastikan

pengurusan perumahan rakyat dilaksanakan secara telus dan berkesan.

- (a) Sehingga bulan Oktober 2025, keseluruhan jumlah tunggakan sewa di PPR Taman Bagan Jaya adalah sebanyak RM1,386,266.00 (Ringgit Malaysia Satu Juta Tiga Ratus Lapan Puluh Enam Ribu Dua Ratus Enam Puluh Enam Sahaja) yang melibatkan sebanyak 302 lejer.
- (b) Kerja-kerja pembaikan lapisan kalis air bagi menangani kebocoran siling di unit tingkat atas sedang dilaksanakan oleh Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang melalui kontraktor yang dilantik. Pelaksanaan kerja-kerja tersebut telah bermula pada 3 September 2025 dan dijangka siap sepenuhnya pada 26 November 2025.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)10

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

10. Adakah Kerajaan Negeri akan menyediakan lampu jalan di sepanjang laluan perumahan kampung yang didiami majoriti penduduk Melayu di Lorong Bagan Lalang, Butterworth yang bergelap sejak puluhan tahun?
- (a) Apakah halangan dan kekangan yang menyebabkan perkampungan tersebut tidak mempunyai lampu jalan?

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Kerajaan Negeri melalui Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara (PDTSPU) telah membuat semakan dan mendapati kawasan perumahan kampung tersebut merupakan tanah Kerajaan Negeri bersebelahan Lot 2817, Mukim 16, Seberang Perai Utara, yang telah diberi Lesen Pendudukan Sementara (LPS).

Jajaran laluan bagi cadangan pemasangan lampu jalan adalah berstatus Jalan Kampung yang didaftarkan di bawah sistem MARRIS dan diselenggara oleh PDTSPU.

Sehubungan dengan itu, pihak Pejabat Daerah akan menyediakan perancangan penstrukturan semula pemasangan lampu-lampu jalan di kawasan berkenaan untuk diangkat kepada Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) bagi pertimbangan dan pelaksanaan seterusnya.

- (a) Berdasarkan semakan, didapati terdapat tiang-tiang berlampu sedia ada yang disediakan oleh pihak Tenaga Nasional Berhad (TNB), namun kedudukannya terhalang oleh binaan rumah dan penjajaran jalan yang lazim digunakan oleh penduduk.

Bagi mengatasi keadaan ini, pemasangan lampu baharu akan dicadangkan pada tiang-tiang yang terletak di atas jajaran jalan lazim sedia ada, iaitu jalan sambungan dari Lorong Bagan Lalang, bagi memastikan pencahayaan yang lebih menyeluruh, selamat dan memberi manfaat kepada penduduk setempat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)11

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

11. Senaraikan jumlah Badan Pengurusan Bersama (JMB) yang aktif dan tidak aktif di perumahan sekitar kawasan DUN Sungai Puyu.
 - (a) Apakah usaha yang telah dan akan dilaksanakan untuk mewujudkan semula JMB yang tidak aktif?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Terdapat 12 buah Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan 29 buah Perbadanan Pengurusan (MC) bagi skim perumahan dalam kawasan DUN Sungai Puyu. Daripada jumlah tersebut, sembilan (9) buah JMB adalah aktif dan tiga (3) buah JMB adalah tidak aktif. Manakala bagi MC pula, 18 buah MC adalah aktif dan 11 buah MC adalah tidak aktif. Selain itu, masih terdapat tiga (3) skim perumahan yang masih belum menubuhkan JMB/MC. Perincian JMB/MC dalam kawasan DUN Sungai Puyu adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
 - (a) Majlis Bandaraya Seberang Perai melalui Jabatan Pesuruhjaya Bangunan (COB) sentiasa mengeluarkan surat peringatan kepada JMB/MC agar dapat mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (AGM). Selain itu, COB juga turut mengeluarkan surat wakil kepada pemilik-pemilik rumah untuk mengadakan Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) bagi tujuan pelaksanaan pelantikan jawatankuasa baharu JMB/MC berdasarkan

peruntukan di bawah Perenggan 11(5)(a), Jadual Kedua, Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757].


COB juga dalam usaha untuk membuat lantikan ejen pengurusan bagi skim perumahan tertentu mengikut kesesuaian.

DUN SUNGAI PUYU SEBERANG PERAI UTARA (JMB)

| BIL | NO. LOT | JMB/MC | MK. | NAMA TAMAN | ALAMAT | PARLIMEN | DUN | SKIM | LAST AGM | CATTAN |
|-----|-----------|--------|-----|---------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|------------------|---------------------|----------|-------------|
| 1 | 10051 | JMB | 9 | TMN SELAYANG UTAMA | BILIK PENGURUSAN TMN SELAYANG UTAMA, NO.2, LRG SELAYANG UTAMA 1, TMN SELAYANG, UTAMA, 13020 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | LANDED | 2024 | AKTIF |
| 2 | 1490 | JMB | 9 | TMN SELAYANG UTAMA | BILIK PENGURUSAN TMN SELAYANG UTAMA, NO 2, LRG SELAYANG UTAMA 1, TMN SELAYANG, UTAMA, 13020 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | LANDED | 2024 | AKTIF |
| 3 | 2703 | JMB | 14 | TMN MESRA- BLOK 21 & 22 | JMB TAMAN MESRA, BADAN PENGURUSAN TAMAN MESRA, JALAN BAGAN LALANG, 13400 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | R/PANGSA KOS RENDAH | 2014 | TIDAK AKTIF |
| 4 | 5677 | JMB | 14 | PUSAT PERNIAGAAN RAJA UDA | PEJABAT PENGURUSAN A-G-19, R/P KOS RENDAH, PUSAT PERNIAGAAN RAJA UDA, 12300 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | R/PANGSA KOS RENDAH | 2024 | AKTIF |
| 5 | 964 & 967 | JMB | 14 | PANGSAPURI SERI CHEMPA | PEJABAT PENGURUSAN, LORONG WIDURI 1, 12200 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | PANGSAPURI | 2023 | AKTIF |
| 6 | 3962 | JMB | 14 | TMN SERI ARA (MANDARIN QUARTER) | NO 12A, JLN SERI ARA 1, TMN SERI ARA, 13000 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | PANGSAPURI | 2012 | TIDAK AKTIF |
| 7 | 801 | JMB | 14 | TMN SERI SEGAR | BILIK PENGURUSAN TAMAN SERI SEGAR, TAMAN SERI SEGAR, BAGAN LALANG, 13400 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | LANDED | 2024 | AKTIF |

| | | | | | | | | | | |
|----|------------|-----|----|--------------------------------------------------------|-------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|------------------|---------------------|------|------------------|
| 8 | 5148 | JMB | 14 | PANGSAPURI TMN MAK MANDIN JAYA | PEJABAT PENGURUSAN GROUND FLOOR, LORONG MAK MANDIN JAYA 2, 12300, BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | PANGSAPURI | 2024 | AKTIF |
| 9 | 10120 | JMB | 14 | PANGSAPURI HIJAU INDAH, JALAN CAPRI, 12000 BUTTERWORTH | PEJ PENGURUSAN, TINGKAT BAWAH R/PANGSA, TMN AMPANG JAJAR, JLN PERMATANG PAUH, 13400 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | R/PANGSA KOS RENDAH | 2024 | AKTIF |
| 10 | 20022 | JMB | 14 | PANGSAPURI MESRA JAYA | PEJABAT PENGURUSAN NO. 3-17 PANGSAPURI MESRA, JAYA, LORONG MESRA PERMAL 4, 13400 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | PANGSAPURI | 2023 | AKTIF |
| 11 | 20107 | JMB | 14 | TMN SEGEMAL INDAH | PEJABAT PENGURUSAN, SOLOK SEGEMAL INDAH, TAMAN SEGEMAL INDAH, 13400 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | LANDED | 2024 | AKTIF |
| 12 | 17,491,751 | JMB | 14 | PANGSAPURI VISTA SAMUDERA | NO. 5-01, PANGSAPURI VISTA SAMUDERA, JALAN SAMUDERA, 12200 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | PANGSAPURI | 2017 | TIDAK AKTIF |
| 13 | 2495 | | 14 | TAMAN TANJUNGINDAH | | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | LANDED | | BELUM ADA JMB/MC |
| 14 | 3587 | | 16 | TAMAN SERI PINANG | | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | KOMERSIAL | | BELUM ADA JMB/MC |
| 15 | 2687 | | 14 | PUSAT PERNIAGAAN RAJA UDA | | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | KOMERSIAL | | BELUM ADA JMB/MC |

PETUNJUK



AKTIF : 9

TIDAK AKTIF : 3

BELUM ADA JMB/MC : 3

JUMLAH 15

DUN SUNGAI PUYU SEBERANG PERAI UTARA (MC)

| BIL | NO. LOT | JMB/MC | MK. | NAMA TAMAN | ALAMAT | PARLIMEN | DUN | SKIM | LAST AGM | CATITAN |
|-----|-------------|--------|-----|---------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|------------------|---------------------|----------|-------------|
| 1 | 3 | MC | 9 | PANGSAPURI OREN 3 | 5-3A, PEJABAT PENGURUSAN PANGSAPURI OREN 3, JALAN PANTAI BERSIH, 13000 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | PANGSAPURI | 2024 | AKTIF |
| 2 | 10030 | MC | 9 | TMN DESA OREN | 108 LORONG DESA OREN 1, TAMAN DESA OREN SUNGAI PUYU, 13020 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | LANDED | 2024 | AKTIF |
| 3 | 5328 | MC | 9 | PANGSAPURI OREN 4 | 5-3A, PEJABAT PENGURUSAN PANGSAPURI OREN 3, JALAN PANTAI BERSIH, 13000 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | PANGSAPURI | 2024 | AKTIF |
| 4 | 1415 | MC | 9 | RESIDENSI ZAMRUD | PEJABAT PENGURUSAN, PERSIARAN ZAMRUD, 13050 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | LANDED | 2024 | AKTIF |
| 5 | 530 | MC | 14 | TMN SENTRAL (BLOK A & B) | BLK PENGURUSAN TKT BAWAH PANGSAPURI SENTRAL, JLN SENTRAL, TMN SENTRAL, 13400 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | PANGSA | 2019 | TIDAK AKTIF |
| 6 | 5736 | MC | 14 | TMN SENTRAL | BILIK PENGURUSAN, TINGKAT BAWAH, R/PANGSA SENTRAL, TMN SENTRAL, 13400 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | R/PANGSA KOS RENDAH | 2024 | AKTIF |
| 7 | 5, 351, 081 | MC | 14 | PANGSAPURI CARISSA | PEJABAT PENGURUSAN, G-01, PANGSAPURI CARRISA, LORONG PERUSAHAAN RINGAN 2, 13400 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | PANGSAPURI | 2024 | AKTIF |
| 8 | 10023 | MC | 14 | VILLA TANJUNG | MANAGEMENT OFFICE A01-13, JALAN VILLA TANJUNG BUTTERWORTH, 12300 PULAU PINANG | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | PANGSAPURI | 2024 | AKTIF |
| 9 | 3685 | MC | 14 | PANGSAPURI TANJUNG PERMAI | LORONG TANJUNG INDAH 2, TAMAN TANJUNG INDAH, 13400 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | PANGSAPURI | 2023 | AKTIF |
| 10 | 20055 | MC | 14 | TMN CARISSA VILLA | NO. 3, JALAN CARISSA VILLA, TAMAN CARISSA VILLA, 13400 | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | LANDED | 2024 | AKTIF |

| | | | | | | | | | | | | | |
|----|-------|----|----|------------------|-------------------------------------------------------------------------------|-------------|------------------|------------|------|--|--|--|-------|
| | | | | | BUTTERWORTH | | | | | | | | |
| 11 | 20148 | MC | 14 | TMN REGENSI OREN | G-01, PANGSAPURI REGENSI OREN, LORONG SERI TANJUNG 1, 13400 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | PANGSAPURI | 2023 | | | | AKTIF |

| | | | | | | | | | | | | | |
|----|-------|----|----|--------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|------------------|------------|------|--|--|--|-------------|
| 12 | 185 | MC | 14 | PANGSAPURI KAMELIA | NO. 1, RUMAH KELAB, PANGSAPURI KAMELIA, JALAN KAMPUNG PAYA, 12200 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | PANGSAPURI | 2022 | | | | TIDAK AKTIF |
| 13 | 20091 | MC | 14 | TAMAN VILA PERMAI | NO 10 JALAN VILA PERMAI, TAMAN VILA PERMAI, 13400 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | LANDED | 2024 | | | | AKTIF |
| 14 | 2494 | MC | 14 | TAMAN TANJUNG INDAH | | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | TOWNHOUSE | | | | | TIDAK AKTIF |
| 15 | 2493 | MC | 14 | TAMAN TANJUNG INDAH | | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | LANDED | | | | | TIDAK AKTIF |
| 16 | 5331 | MC | 14 | TAMAN SEGAR JAYA (DELINK) | BILIK PENGURUSAN TAMAN SEGAR JAYA, TAMAN SEGAR JAYA, BAGAN LALANG, 13400 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | LANDED | 2024 | | | | AKTIF |
| 17 | 20150 | MC | 14 | PANGSAPURI SEGEMAL INDAH | NO. G-03 PANGSAPURI SEGEMAL INDAH, JALAN SEGEMAL, 13400 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | PANGSAPURI | 2024 | | | | AKTIF |
| 18 | 3443 | MC | 16 | TAMAN BAGAN LALANG (BLOK B) | BLOK A, LORONG BAGAN LALANG 14, TAMAN BAGAN LALANG, 13400 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | PANGSA | 2019 | | | | TIDAK AKTIF |
| 19 | 3444 | MC | 16 | TAMAN BAGAN LALANG (BLOK B) | LORONG BAGAN LALANG 14, TAMAN BAGAN LALANG, 13400 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | PANGSA | 2024 | | | | TIDAK AKTIF |
| 20 | 3445 | MC | 16 | TAMAN BAGAN LALANG (BLOK C) | LORONG BAGAN LALANG 16, TAMAN BAGAN LALANG, 13400 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | PANGSA | 2019 | | | | TIDAK AKTIF |
| 21 | 3446 | MC | 16 | TAMAN BAGAN LALANG (BLOK D) | LORONG BAGAN LALANG 18, TAMAN BAGAN LALANG, 13400 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | PANGSA | 2019 | | | | TIDAK AKTIF |
| 22 | 3559 | MC | 16 | TAMAN BAGAN LALANG (BLOK E) | LORONG BAGAN LALANG 22, TAMAN BAGAN LALANG, 13400 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | PANGSA | 2008 | | | | TIDAK AKTIF |

| | | | | | | | | | | |
|----|-------|----|----|-------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|-------------|------------------|--------------------------|------|-------|
| 26 | 10089 | MC | 16 | TAMAN CASA UTOPIA | A-G-03, TAMAN CASA UTOPIA, LORONG SUNGAI DUA, UTAMA 34, 13800 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | KONDO | 2024 | AKTIF |
| 27 | 10071 | MC | 16 | TAMAN CASSA MAYA | NO.2, PEJABAT PENGURUSAN DAN DEWAN ORANG RAMAI, LORONG CASSA MAYA 1, TMN CASSA MAYA, 13800 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | LANDED | 2024 | AKTIF |
| 28 | 10176 | MC | 16 | TAMAN JATI | 7335, JALAN BAGAN LALANG, 13400 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | LANDED - TERES 3 TGKT | 2023 | AKTIF |
| 29 | 10175 | MC | 16 | PANGSAPURI JATI | 7335, JALAN BAGAN LALANG, 13400 BUTTERWORTH | P43 - BAGAN | N7 - SUNGAI PUYU | PANGSAPURI | 2023 | AKTIF |

PETUNJUK



AKTIF : 18
TIDAK AKTIF : 11
JUMLAH : 29

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)12

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

12. Apakah status terkini cadangan pemutihan kilang-kilang yang berada di antara laluan Kampung Tok Sani dan Taman Sri Pinang, Sungai Puyu?
- (a) Bilakah kerja-kerja naik taraf, pembaikan dan pelebaran jalan di hadapan kawasan pembangunan industri yang terlibat boleh dilaksanakan bagi memberi keselesaan kepada penduduk setempat menggunakan jalan tersebut yang semakin teruk?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

12. Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri Bilangan 09 Tahun 2025 pada 30 Oktober 2025 telah meluluskan Cadangan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP).

Program ini melibatkan sebanyak 183 buah kilang dengan 277 lot tanah yang terletak di tiga (3) buah daerah dalam kawasan pentadbiran MBSP. Garis panduan pelaksanaan program ini adalah merujuk kepada Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Merancang di Kawasan Majlis Bandaraya Seberang Perai. Syarat pelaksanaan program pemutihan adalah seperti berikut:

- (i) Tempoh Perlingkungan Semula kepada Zon Industri ini adalah selama dua (2) tahun sahaja dan berkuat kuasa

dari tarikh kelulusan oleh Jawatankuasa Perancang Negeri dan tarikh surat makluman kepada pemilik kilang/ tanah. Dalam tempoh dua (2) tahun tersebut senarai kilang-kilang yang telah diluluskan Perlingkungan Semula dikehendaki mengemukakan Pelan Kebenaran Merancang (PKM) dan Pelan Bangunan (PB) kepada pihak MBSP;

- (ii) Selepas tamat tempoh dua (2) tahun tersebut, tindakan penguatkuasaan secara intensif akan dilaksanakan ke atas senarai kilang-kilang yang tidak mengambil apa-apa tindakan bagi mendapatkan kelulusan dan kebenaran daripada pihak MBSP; dan
- (iii) Pemilik tanah/ kilang yang tidak mengemukakan PKM dalam tempoh dua (2) tahun tersebut atau PKM yang telah ditolak oleh Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) dikehendaki mematuhi keputusan tersebut dan memberhentikan operasi, mengosongkan dan memulihkan tapak kepada keadaan asal.

Kerja-kerja penaiktarafan, pembaikan dan pelebaran jalan di hadapan kawasan pembangunan industri yang terlibat akan dilaksanakan setelah pihak kilang mengemukakan PKM kepada pihak MBSP. Di peringkat kelulusan PKM tersebut, pemaju atau pihak kilang akan disyaratkan untuk membina dan menaik taraf jalan di hadapan kawasan pembangunan masing-masing mengikut piawaian Jabatan Kerja Raya (JKR). Setelah kerja-kerja tersebut siap dan memenuhi spesifikasi yang ditetapkan, jalan berkenaan hendaklah diserahkan kepada JKR selaku agensi yang bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan dan pengurusan jalan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)13

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

13. Senaraikan lokasi dan syarikat pemaju yang masih belum menyerahkan lot-lot parkir kepada MBSP sejak 2021 sehingga 2025 di sekitar Seberang Perai.
- (a) Apakah tindakan yang akan dikenakan terhadap syarikat pemaju yang belum menyerahkan pemajuan lot-lot parkir berkenaan kepada MBSP?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

13. Berdasarkan rekod Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dari tahun 2021 sehingga 2025, tiada pemaju atau projek yang menerima Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) di kawasan Seberang Perai yang gagal atau belum menyerahkan lot-lot parkir kepada MBSP.
- (a) Syarikat yang tidak menyerahkan pemajuan lot-lot parkir boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 20 dan 28, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172]. Pihak MBSP akan mengeluarkan notis pematuhan dan tindakan pendakwaan akan dilaksanakan sekiranya pemaju tidak mematuhi notis tersebut. Pihak yang disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM100,000.00 (Ringgit Malaysia Satu Ratus Ribu Sahaja) atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam (6) bulan atau keduanya dan didenda selanjutnya sehingga RM5,000.00 (Ringgit Malaysia Lima Ribu Sahaja) bagi setiap hari

kegagalan itu berterusan selepas sabitan yang pertama bagi kesalahan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)14

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

14. Berapakah jumlah kejadian pokok tumbang yang telah direkodkan berlaku di sekitar DUN Sungai Puyu sejak 1 Januari 2025 sehingga 24 Oktober 2025 dan menyebabkan kerosakan pada harta benda awam?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menghadkan ketinggian setiap pokok pada satu paras sebelum dipangkas untuk mengatasi risiko pokok tumbang?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

14. Berdasarkan rekod Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), sebanyak tiga (3) kes aduan pokok tumbang telah direkodkan di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Puyu dalam tempoh mulai 01 Januari 2025 sehingga 30 September 2025 iaitu seperti berikut:
- (i) Kampung Manggis, Sungai Puyu Melibatkan pokok persendirian yang terletak di sekitar Kampung Manggis, Sungai Puyu (tiada alamat spesifik);

- (ii) Jalan Bagan Lalang, Sungai Puyu Melibatkan pokok persendirian di alamat 1344, Jalan Bagan Lalang, 13400 Butterworth, Pulau Pinang; dan
- (iii) Taman Teratai, Sungai Puyu Melibatkan pokok milik MBPP di alamat Jalan Teratai 1, 13400 Butterworth, Pulau Pinang.

Namun begitu, kejadian pokok tumbang ini tidak menyebabkan sebarang kerosakan terhadap harta benda awam.

- (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sentiasa melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan, pemeriksaan kesihatan dan pemangkasan pokok secara berkala bagi memastikan keselamatan awam dan kesejahteraan persekitaran sentiasa terpelihara. Justeru itu, buat masa ini pihak MBSP tidak bercadang untuk mengehendkan ketinggian pokok pada satu (1) paras tertentu sebelum ia dipangkas bagi mengelakkan kejadian pokok tumbang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)15

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

15. Apakah punca menyebabkan banjir kilat masih berlaku di Taman Bunga Raya, Butterworth walaupun Projek Tebatan Banjir Fasa 1 telah siap dilaksanakan pada Disember 2023?
- (a) Nyatakan kekangan yang dihadapi untuk pelaksanaan Fasa 2.
 - (b) Apakah tindakan mitigasi yang telah dilaksanakan bagi mengurangkan risiko banjir kilat di kawasan berkenaan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Punca menyebabkan banjir kilat masih berlaku di Taman Bunga Raya, Butterworth walaupun Projek Tebatan Banjir Fasa 1 telah siap dilaksanakan pada Disember 2023 adalah kejadian hujan luar jangka melebihi keupayaan reka bentuk asal dan air pasang tinggi yang berlaku di parit monsun menyebabkan kebocoran atau limpahan air masuk ke taman perumahan.
- (a) Kekangan yang dihadapi untuk pelaksanaan Fasa 2 adalah kesulitan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam memenuhi syarat dan ulasan agensi yang melibatkan Jalan Thamby Kecil, Jalan Bagan Ayam serta parit perimeter Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR). Justeru, MBSP telah mengambil inisiatif dengan menyediakan reka bentuk baharu bagi mitigasi banjir di Jalan Thamby Kecil dan Tingkat Melur 1 dan 2.

- (b) Tindakan mitigasi yang telah dilaksanakan oleh MBSP bagi mengurangi risiko banjir kilat di Taman Bunga Raya adalah seperti berikut:
- (i) Melaksanakan kerja-kerja penutupan kebocoran parit monsun ke Taman Bunga Raya; dan
 - (ii) Melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan parit perimeter dan kolam takungan banjir di Taman Bunga Raya secara berkala.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)16

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

16. Apakah status terkini cadangan pembinaan rumah mampu milik di Ampang Jajar, Seberang Perai Utara?
- (a) Nyatakan jumlah unit rumah dan kemudahan yang akan dibina di kawasan berkenaan.
 - (b) Jika projek ini dibatalkan, nyatakan sebab pembatalan tersebut.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Cadangan Pembangunan Rumah Mampu Milik (RMM) yang kini dikenali sebagai Rumah MutiaraKu (RMKu) Ampang Jajar di atas PT 636 dan sebahagian Lot 6151, Seksyen 3, Butterworth, Seberang Perai Utara (SPU) yang seluas 17.52 ekar merangkumi sebanyak 2,800 unit perumahan (720 unit RMKu B dan 2,080 unit RMKu C). Satu (1) kertas pemakluman bagi Projek Pembangunan RMKu Ampang Jajar tersebut telah dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) Bilangan 1 Tahun 2024 pada 22 April 2025.

Mesyuarat Lembaga Pengarah LPNPP telah bersetuju dan memutuskan bahawa cadangan Pembangunan RMKu Ampang Jajar akan dilaksanakan secara menyeluruh oleh Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang (*Chief Minister Incorporated – CMI*) dan cadangan pembangunan projek tersebut telah digugurkan sepenuhnya daripada Pelan Induk Perancangan Pembangunan

LPNPP sepertimana yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa RMM Bilangan 1 Tahun 2024 (Khas) pada 18 April 2024.

Susulan keputusan itu, satu (1) surat telah dikemukakan kepada Pengurus Besar CMI pada 31 Mei 2024 untuk tindakan selanjutnya iaitu keperluan mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (PBN) bagi hala tuju pelaksanaan projek tersebut.

- (a) CMI sedang dalam proses merangka cadangan pembangunan yang lebih holistik bagi kawasan Ampang Jajar, Butterworth yang akan dapat melengkapi kemudahan di *Penang International Convention, Cultural & Arts Centre* (PICCA) Butterworth Arena seumpama konsep pembangunan Setia Spice dan Penang Waterfront Convention. Tanah di kawasan Butterworth ini juga mempunyai potensi penjanaan hasil yang tinggi kepada Kerajaan Negeri. Bagi tujuan tersebut, CMI sedang dalam proses perancangan untuk menyedia dan mengiklankan *Request for Proposal* (RFP) bagi cadangan pelaksanaan pembangunan bercampur yang lebih mampan dan berimpak ekonomi tinggi. Komponen RMKu akan turut disyaratkan di bawah RFP tersebut. Walau bagaimanapun, jumlah unit RMKu yang akan dibina masih belum ditetapkan.
- (b) Projek pembangunan yang melibatkan komponen RMKu di Ampang Jajar tidak akan dibatalkan, malah akan diteruskan. Walau bagaimanapun, komponen bagi projek pembangunan bercampur tersebut masih belum diputuskan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)17

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

17. Apakah perkembangan terkini mengenai cadangan tebus guna tanah seluas 650 hektar di Pantai Bersih, Bagan Ajam?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

17. Kerajaan Negeri telah meneliti semula pelaksanaan Perjanjian Penambakan Tanah dan Penempatan di kawasan Pantai Bersih, Bagan Ajam, Seberang Perai Utara, yang sebelum ini dimeterai bersama Rayston Consortium (Butterworth) Sdn. Bhd. (RSCB).

Setelah mengambil kira pelbagai faktor termasuk kekangan daripada pihak RCSB berkaitan lokasi tambakan, kos pelaksanaan serta impak sosioekonomi, Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk tidak lagi meneruskan perjanjian tersebut. Notis Penamatan Perjanjian berkenaan telah dikemukakan kepada pihak RCSB pada 22 September 2025.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)18

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

18. Senaraikan lokasi dan jumlah keluasan tanah yang telah diwartakan sebagai Hutan Simpan Kekal mengikut daerah di Negeri Pulau Pinang.
- (a) Berapakah kejadian pencerobohan Hutan Simpan Kekal yang direkodkan berlaku sejak 1 Januari 2024 sehingga 24 Oktober 2025?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Sehingga kini, Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang telah mewartakan kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 seluas 6,509.21 ha. Senarai Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Negeri Pulau Pinang adalah seperti dalam **LAMPIRAN A**.
- (a) Tiada kes pencerobohan haram dalam HSK yang direkodkan dari 1 Januari 2024 hingga 31 Oktober 2025.

LAMPIRAN A

Senarai Hutan Simpanan Kekal (HSK) di Pulau Pinang

| BIL. | HUTAN SIMPANAN (HS) | DAERAH | KELUASAN (HA) |
|-----------------------------------------|---------------------------|------------------------|-----------------|
| 1 | HS Balik Pulau | Barat Daya | 166.38 |
| 2 | HS Bukit Gemuroh | | 51.66 |
| 3 | HS Bukit Genting | | 9.09 |
| 4 | HS Bukit Relau | | 67.56 |
| 5 | HS Laksamana | | 226.28 |
| 6 | HS Pantai Acheh | | 73.05 |
| 7 | HS Pasir Panjang | | 32.77 |
| 8 | HS Telok Bahang | | 830.20 |
| 9 | HS Pulau Betong | | 1.23 |
| 10 | HS Tanjung Gemuruh | | 44.24 |
| 11 | HS Sungai Pinang (Plot 1) | | 3.85 |
| 12 | HS Sungai Pinang (Plot 2) | | 195.94 |
| 13 | HS Sungai Rusa (Plot 2) | | 5.27 |
| 14 | HS Sungai Rusa (Plot 3) | | 196.66 |
| 15 | HS Bukit Kerajaan | Timur Laut | 2,287.91 |
| 16 | HS Penara Bukit | | 94.99 |
| 17 | HS Highlands | | 91.54 |
| 18 | HS Pulau Jerejak | | 285.84 |
| 19 | HS Pasir Gebu | Seberang Perai Utara | 127.59 |
| 20 | HS Lahar Endin | | 129.11 |
| 21 | HS Kuala Bekah | | 69.80 |
| 22 | HS Air Itam Dalam | | 22.09 |
| 23 | HS Bukit Mertajam | Seberang Perai Tengah | 312.95 |
| 24 | HS Bukit Juru | | 150.18 |
| 25 | HS Bukit Seraya | | 45.11 |
| 26 | HS Juru | | 22.56 |
| 27 | HS Byram | Seberang Perai Selatan | 214.66 |
| 28 | HS Bukit Panchor | | 446.60 |
| 29 | HS Sungai Chenaam | | 248.76 |
| 30 | HS Sungai Udang | | 55.36 |
| JUMLAH KELUASAN KESELURUHAN (HA) | | | 6,509.21 |

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)19

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

19. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyusun semula lokasi penjaja di kawasan tumpuan seperti di Jalan Raja Uda, Jalan Ong Yi How dan Jalan Bunga Tanjung 7 bagi memastikan aktiviti ekonomi tidak mengganggu aliran trafik yang semakin meningkat?
- (a) Senaraikan jumlah penjaja yang berlesen dan tidak berlesen di kawasan berkenaan.

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sentiasa memberi perhatian terhadap isu penjajaan di kawasan tumpuan awam yang berpotensi menjejaskan kelancaran trafik. Pada masa ini, MBSP sedang meneliti dan mempertimbangkan penyusunan semula lokasi penjaja di kawasan Jalan Raja Uda, Jalan Ong Yi How dan Jalan Bunga Tanjung 7 bagi memastikan aktiviti ekonomi tidak mengganggu aliran trafik serta persekitaran bandar kekal teratur.

Proses pertimbangan ini mengambil kira beberapa faktor utama, antaranya:

- (i) Kesesuaian tapak dan status tanah yang terlibat;
- (ii) Bilangan penjaja sedia ada;

- (iii) Sokongan daripada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kawasan, Ahli Majlis dan komuniti setempat;
- (iv) Kemudahan asas seperti akses laluan, tempat letak kenderaan dan aspek keselamatan; dan
- (v) Ketersediaan lokasi alternatif bagi tujuan pemutihan penjaja.

Proses ini selaras dengan usaha jangka panjang MBSP untuk menyusun, mengawal dan mengesahkan aktiviti penjajaan bagi memastikan kebajikan penjaja terpelihara serta persekitaran bandar kekal teratur, selamat dan kondusif.

- (a) Jumlah penjaja berlesen dan tidak berlesen di kawasan berkenaan adalah seperti berikut:

| Kawasan | Berlesen | Tidak Berlesen |
|-----------------------|-----------------|-----------------------|
| Jalan Raja Uda | 35 | 7 |
| Jalan Ong Yi How | 7 | 1 |
| Jalan Bunga Tanjung 7 | 4 | 9 |
| JUMLAH | 46 | 17 |

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)20

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

20. Nyatakan tapak dan lokasi yang telah dicadangkan atau ditetapkan Kerajaan Negeri bagi pembinaan *Penang Financial Centre* (Pusat Kewangan Pulau Pinang).
- (a) Adakah kelulusan atau persetujuan daripada Kerajaan Persekutuan diperlukan bagi pelaksanaannya?

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

20. Konsep dan Mekanisme Penubuhan PIFC

Cadangan *Penang International Financial Centre* (PIFC) merupakan inisiatif strategik Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk memperkukuh ekosistem kewangan negeri dan memacu pertumbuhan ekonomi berasaskan pengetahuan dan teknologi tinggi.

Tiga teras utama PIFC ialah:

- (i) **Dana Pelaburan Industri Negeri (*State Sovereign Wealth Fund*)**

Menggunakan hasil negeri seperti tanah untuk menjana modal pelaburan tanpa perlu kelulusan langsung daripada Kerajaan Persekutuan.

- (ii) **Pendigitalan Harta Tanah**

Menukar aset tanah milik negeri kepada Amanah Pelaburan Harta Tanah (REIT) bagi menarik pelabur swasta.

(iii) **Pembangunan Fizikal Hab Kewangan**

Mewujudkan zon khas dengan infrastruktur moden dan ekosistem perniagaan digital, disokong oleh pusat data, *fintech*, dan perkhidmatan sokongan profesional.

Status Permohonan dan Respons Kerajaan Persekutuan

Selaras dengan peruntukan Perlembagaan Persekutuan, kelulusan daripada Kerajaan Persekutuan adalah diperlukan sekiranya cadangan penubuhan Penang International Financial Centre (PIFC) melibatkan dana luar atau pelaburan syarikat antarabangsa yang tertakluk kepada dasar kewangan Malaysia.

Kerajaan Negeri telah mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) bagi mewujudkan Zon Kewangan Khas Pulau Pinang. Permohonan tersebut tidak melibatkan sebarang kos kepada Kerajaan Negeri.

Walau bagaimanapun, MOF telah memaklumkan bahawa pada masa ini tiada perancangan dasar untuk menubuhkan Pusat Kewangan Antarabangsa di Malaysia. MOF juga menjelaskan bahawa cadangan untuk menubuhkan kumpulan kerja (*working group*) yang terdiri daripada wakil Kerajaan Negeri Pulau Pinang, MOF, Bank Negara Malaysia dan agensi berkaitan tidak disokong, memandangkan kementerian berkenaan belum mempunyai sebarang dasar khusus berhubung penubuhan Pusat Kewangan Antarabangsa di Malaysia.

Lokasi dan Tapak Cadangan

Penentuan lokasi bagi Pusat Kewangan Antarabangsa Pulau Pinang (PIFC) memerlukan pertimbangan yang menyeluruh serta perbincangan lanjut bersama pihak-pihak berkepentingan, khususnya melibatkan implikasi perundangan, kewangan dan keperluan industri.

Sebagai perbandingan, pusat kewangan antarabangsa utama di luar negara mengambil masa sehingga tujuh (7) tahun sebelum dapat beroperasi sepenuhnya. Oleh yang demikian, proses pemilihan lokasi bagi PIFC akan dilaksanakan secara berhati-

hati, berfasa dan berasaskan kepada analisis kesesuaian serta keperluan pasaran semasa.

Cadangan penubuhan PIFC di Ampang Jajar seluas kira-kira 40 hektar adalah amat dihargai dan akan dipertimbangkan bersama lokasi-lokasi lain yang turut dikenal pasti berpotensi, selaras dengan perancangan pembangunan negeri bagi memastikan keseimbangan pertumbuhan antara kawasan pulau dan Seberang Perai.

Justifikasi dan Manfaat Ekonomi kepada Negeri

Penubuhan Penang International Financial Centre (PIFC) diunjurkan menjadi pemangkin ekonomi baharu Pulau Pinang, dengan memberi tumpuan kepada integrasi antara industri semikonduktor dan sektor kewangan digital.

Inisiatif ini dilihat sebagai langkah strategik bagi mengukuhkan kedudukan Pulau Pinang sebagai hab ekonomi berteknologi tinggi dan berdaya saing di rantau ini.

Antara manfaat utama ekonomi yang dijangka diperoleh melalui pelaksanaan PIFC ialah:

(i) **Peningkatan Rantai Nilai Industri (*Upgrading Value Chain*)**

Pembiayaan aktiviti bernilai tinggi melalui PIFC berpotensi menarik modal teroka dan ekuiti persendirian bagi menyokong aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D), reka bentuk litar bersepadu, serta pengkhususan perkhidmatan kejuruteraan. Pendekatan ini sejajar dengan aspirasi Strategi Semikonduktor Nasional (NSS) untuk membawa industri Malaysia ke tahap rantai nilai yang lebih tinggi.

(ii) **Menarik dan Menahan Modal serta Bakat Berkualiti Tinggi**

Pusat kewangan antarabangsa berupaya menyediakan infrastruktur institusi dan ekosistem pelaburan yang diperlukan untuk menarik dana antarabangsa berskala besar. Kewujudan PIFC bukan sahaja menyokong sektor pembuatan berteknologi tinggi tetapi turut memperkukuh

perkhidmatan sokongan profesional, di samping mencipta peluang pekerjaan berkemahiran tinggi untuk rakyat tempatan serta mengurangkan masalah penghijrahan bakat (*brain drain*).

(iii) **Perintis Inovasi Kewangan Digital (*Digital Financial Innovation*)**

PIFC dijangka berfungsi sebagai platform kewangan digital serantau yang membezakan Pulau Pinang daripada pusat kewangan antarabangsa lain dengan memberi tumpuan kepada teknologi kewangan (FinTech) dan integrasi industri berasaskan data, automasi serta kecerdasan buatan (AI).

(iv) **Peluang Pekerjaan dan Pemerksaan Ekonomi Setempat**

Pembangunan PIFC akan menjana pelbagai peluang pekerjaan baharu dalam sektor kewangan, ICT, kejuruteraan dan perkhidmatan teknikal. Secara langsung, ia akan memperkukuh aktiviti ekonomi setempat melalui pembangunan infrastruktur moden, ekosistem digital menyeluruh serta peningkatan taraf hidup rakyat.

(v) **Pelan Susulan dan Arah Hala Tuju**

Walaupun cadangan asal tidak disokong oleh MOF, Kerajaan Negeri tidak menghentikan usaha tersebut. Melalui Penang Institute, kajian kebolehlaksanaan sedang dijalankan bagi memperincikan model ekonomi dan potensi PIFC sebagai hub kewangan digital serantau. Langkah-langkah susulan termasuk:

- (a) Meneruskan libat urus dengan agensi kewangan, pelabur dan pemaju hartanah strategik.
- (b) Menumpukan kepada inisiatif *fintech* dan kewangan digital yang tidak bertindih dengan pusat kewangan sedia ada.

- (c) Menyusun semula strategi pelaksanaan PIFC secara berfasa dan berdikari, dengan sokongan dana negeri serta kerjasama sektor swasta.

RUMUSAN

Secara keseluruhannya, PIFC merupakan aspirasi jangka panjang Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjadikan negeri ini sebagai pusat kewangan digital dan teknologi baharu yang menyokong ekonomi berpendapatan tinggi.

Walaupun belum mendapat kelulusan dasar di peringkat Persekutuan, inisiatif ini akan terus diperhalusi melalui pendekatan fasa pembangunan, inovasi kewangan digital dan perkongsian strategik awam-swasta, agar Pulau Pinang kekal sebagai peneraju pembangunan ekonomi moden negara.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)21

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

21. Apakah langkah Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kesihatan dan Jabatan Pendidikan bagi mengawal penularan penyakit seperti Influenza A dan denggi di kalangan murid sekolah di sekitar kawasan Parlimen Bagan?
- (a) Senaraikan jumlah kes yang telah direkodkan melibatkan pelajar-pelajar sekolah sejak 1 Januari 2025 sehingga 24 Oktober 2025.

**YB GOOI ZI SEN
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) melalui Pejabat Kesihatan Daerah telah mengadakan *Townhall Meeting* bersama institusi pendidikan bagi mengekang penularan penyakit berjangkit termasuk influenza, melalui langkah-langkah berikut:
- (i) Guru perlu menasihati pelajar yang bergejala supaya tidak memasuki kelas dan segera mendapatkan rawatan;
- (ii) Guru disarankan untuk memperkukuhkan pendidikan kesihatan bagi menggalakkan kawalan sendiri dan tanggungjawab bersama;
- (iii) Pihak sekolah disarankan membuat laporan awal kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) berdekatan agar tindakan pencegahan dan kawalan dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan;

- (iv) Ibu bapa perlu memastikan anak di bawah tanggungan masing-masing tidak mempunyai gejala influenza seperti demam, selesema dan batuk sebelum menghantar mereka ke sekolah; dan
- (v) Ibu bapa dinasihatkan memantau keadaan anak yang mempunyai gejala influenza. Sekiranya gejala bertambah teruk, pelajar tersebut perlu mendapatkan rawatan ulangan dengan segera bagi mencegah berlakunya komplikasi.

Selari dengan Pemakluman Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan *Influenza-Like Illness* di Institusi Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 30 Jun 2022, pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah mengeluarkan surat kepada semua sekolah bertarikh 6 Oktober 2025 berhubung penularan jangkitan influenza di institusi pendidikan.

Surat kedua pula telah dikeluarkan pada 10 Oktober 2025 berkaitan kenyataan media berhubung penularan influenza di institusi pendidikan dengan menjelaskan langkah-langkah bagi mengekang penularan jangkitan influenza.

Bagi penularan influenza di pasar raya seluruh Negeri Pulau Pinang, Cawangan Promosi Kesihatan JKNPP telah menjalankan hebahan tentang jangkitan influenza di pusat membeli-belah, pasar, kawasan perumahan dan kawasan tumpuan orang ramai untuk meningkatkan kefahaman orang ramai tentang penyakit tersebut serta langkah-langkah pencegahannya. Hebahan melalui media sosial juga dilakukan melalui Jabatan Penerangan Pulau Pinang.

Bagi penyakit denggi pula, pencegahan dan kawalan denggi di sekolah, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah memperkenalkan dan melaksanakan Program Bebas Denggi Di Sekolah (PBDS) sejak tahun 1995 sebagai sebahagian daripada inisiatif 3K (Kebersihan, Kesihatan & Keselamatan) di sekolah. Aktiviti-aktiviti PBDS yang dijalankan adalah seperti berikut:

- (i) Pendidikan dan kesedaran melalui ceramah, penyiaran poster dan bahan maklumat, pameran, kuiz dan persembahan kreatif;
 - (ii) Pemantauan dan tindakan melalui pemeriksaan berkala premis sekolah;
 - (iii) Penglibatan komuniti dalam aktiviti gotong royong dan kempen;
 - (iv) Pelaporan dan pemantauan melalui laporan bulanan Program PBDS ke Kementerian Pendidikan/jabatan berkaitan;
 - (v) Kepimpinan sekolah melalui guru dan staf sekolah; dan
 - (vi) Pemantauan kes denggi melibatkan pelajar sekolah dan tindakan kawalan dilaksanakan oleh pihak Pejabat Kesihatan Daerah jika siasatan mendapati sekolah berisiko menjadi tempat penularan penyakit demam denggi.
- (a) Bagi tahun 2025, sejumlah 36 kes influenza telah dilaporkan di Negeri Pulau Pinang (sehingga Oktober) dan majoriti kes influenza yang dilaporkan adalah ringan serta pulih sepenuhnya tanpa komplikasi serius. Hanya sebilangan kecil pesakit, terutamanya daripada kumpulan berisiko tinggi seperti kanak-kanak, warga emas dan penghidap penyakit kronik, memerlukan rawatan lanjut di hospital.

Bagi kes penyakit demam denggi, sehingga 4 November 2025, terdapat 177 kes melibatkan pelajar sekolah yang berumur 7 hingga 17 tahun daripada keseluruhan 1,587 kes demam denggi yang dicatatkan di Negeri Pulau Pinang. Berdasarkan siasatan, punca jangkitan demam denggi adalah di rumah atau kawasan sekitarnya dan bukan di sekolah.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)22

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

22. Nyatakan sejarah perancangan dan kelulusan Projek Penyuraian Trafik antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua bermula dari persetujuan Negeri, permohonan kelulusan Kerajaan Pusat, kos, tarikh permulaan dan tempoh jangkaan siap.

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama-sama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sebagai agensi pelaksana sedang dalam proses melaksanakan kerja-kerja bagi Projek Penyuraian Trafik di antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua, Pulau Pinang di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan kawasan sekitar (PTJSD). Projek ini telah diluluskan di bawah Rolling Plan 5 (RP5), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dengan kos keseluruhan yang telah dimuktamadkan selepas Makmal Kajian Nilai (Value Assessment, VA) sebanyak RM2.908 bilion, melibatkan pembiayaan secara hibrid melalui peruntukan pembangunan, Dana Mudahcara Infrastruktur (DMI) dan sumbangan oleh PLUS Berhad. Kaedah ini telah diluluskan secara prinsip oleh Jemaah Menteri pada 20 Disember 2024.

Projek ini melibatkan skop kerja seperti yang berikut:

- (i) Laluan terus dari Juru ke Sungai Dua sepanjang 17.4 km;
- (ii) Laluan sedia ada 17.4 km dan persimpangan;

- (iii) Membina baharu satu plaza tol di susur masuk Persimpangan Jambatan Pulau Pinang ke *Mainline Express Lanes* (MEL), satu plaza tol di susur keluar MEL ke Persimpangan East-West, satu plaza tol di susur masuk dari Persimpangan East-West ke MEL serta menaik taraf Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua;
- (iv) Meroboh dan membina semula dua buah jejambat pejalan kaki sedia ada dan membina baharu dua jejambat pejalan kaki di Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua;
- (v) Kerja geoteknik;
- (vi) Perabot jalan;
- (vii) Pembinaan sistem perparitan jalan;
- (viii) Pengalihan utiliti; dan
- (ix) Pengambilan tanah.

Projek ini dimulakan dengan pelaksanaan satu kajian trafik secara terperinci oleh Kementerian Kerja Raya khususnya bagi menangani isu kesesakan di laluan antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua. Kajian ini dijalankan menggunakan teknologi Kecerdasan Buatan (AI) di 40 lokasi sepanjang jajaran tersebut bagi menganalisis aliran trafik sebenar dan merangka penyelesaian yang lebih berkesan serta mampan.

Hasil kajian ini telah dibentangkan dalam beberapa siri mesyuarat bersama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), PLUS Berhad, Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Kementerian Kewangan (MOF) serta Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Berdasarkan perbincangan tersebut, konsep penyuraian trafik telah dipersetujui yang merangkumi tiga komponen utama, iaitu MEL, pembinaan Laluan Pengumpul dan Pengedar (Collector–Distributor Lanes, CDL), serta kerja-kerja menaik taraf persimpangan dan laluan sedia ada.

Projek ini akan dilaksanakan secara berfasa melalui lima pakej utama, dengan tempoh pembinaan keseluruhan selama 48 bulan.

Garis Masa dan Status Pelaksanaan:

- (i) Makmal Kajian Nilai (Value Assessment): 24 – 28 Februari 2025;
- (ii) Lantikan Perunding Rekabentuk & Penyeliaan Tapak: 17 Julai 2025;
- (iii) Mula kerja fizikal (Pakej 1 – Naiktaraf East-West Interchange & Slip Ramp): November 2025; dan
- (iv) Mula kerja fizikal (Pakej 2–5 – MEL & CDL): Pertengahan tahun 2026.

Jangkaan siap projek: Jun 2030

Pelaksanaan projek ini dijangka memberikan impak positif yang besar kepada kelancaran sistem pengangkutan di wilayah utara Semenanjung Malaysia. Dengan pembinaan MEL dan CDL, aliran trafik secara terus dapat dipisahkan daripada trafik tempatan, sekali gus mengurangkan kesesakan secara signifikan serta meningkatkan tahap perkhidmatan (Level of Service) LOS di kawasan berkenaan.

Selain itu, reka bentuk persimpangan yang lebih efisien akan mengurangkan titik konflik dan meningkatkan keselamatan pengguna jalan raya. Secara keseluruhan, projek ini diyakini akan meningkatkan keberkesanan jaringan jalan raya utama negara, memperkukuh pertumbuhan ekonomi dan sosial, serta merangsang pelaburan strategik di Pulau Pinang dan kawasan sekitarnya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)23

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

23. Jelaskan mengenai dasar 'Hari Tanpa Beg Plastik' berserta spesifikasi beg plastik yang dilarang seperti ketebalan atau jenis mikron.
- (a) Sektor manakah yang terlibat dalam penguatkuasaan dasar tersebut?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperkenalkan Kempen Tiada Beg Plastik Percuma sejak tahun 2009 dengan mengenakan caj sebanyak RM0.20 bagi setiap beg plastik yang dibeli. Bagi memperkukuh usaha tersebut, caj berkenaan telah dinaikkan daripada RM0.20 kepada RM1.00, diikuti dengan pelaksanaan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik pada tahun 2021.

Selaras dengan komitmen Kerajaan Negeri untuk mencapai matlamat pembangunan mampan di bawah Visi Penang2030: "Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga, Inspirasi Negara," Pulau Pinang telah melaksanakan Kempen Tanpa Beg Plastik Setiap Hari di seluruh negeri bermula 1 September 2025. Fasa pelaksanaan ini memberi penekanan kepada aspek pendidikan secara berhemah sehingga 31 Ogos 2026.

Menurut Garis Panduan Kempen Tanpa Beg Plastik Setiap Hari Negeri Pulau Pinang 2025, kempen ini mengguna pakai prinsip tidak lagi membekalkan beg plastik jinjing kepada pengguna di kaunter bayaran di premis-premis perniagaan terpilih.

Beg plastik jinjing merujuk kepada beg plastik yang mempunyai pemegang di kiri dan kanan, lazimnya digunakan untuk membawa barang belian. Beg ini kebiasaannya diberikan kepada pengguna di kaunter bayaran dan diperbuat daripada komponen asas plastik (polimer sintetik/ separa sintetik) yang direka untuk penggunaan sekali sahaja sebelum dibuang.

- (a) Menurut Garis Panduan Kempen Tanpa Beg Plastik Setiap Hari Negeri Pulau Pinang 2025, sektor yang terlibat dalam penguatkuasaan dasar ini adalah seperti berikut:
- (i) Pasaraya Hyper (*Hypermarket*);
 - (ii) Pasaraya Besar (*Supermarket*);
 - (iii) Pasaraya Serbaneka (*Departmental store*);
 - (iv) Kedai Serbaneka (*Convenient store*);
 - (v) Restoran Makanan Segera (*Fast Food Restaurant*);
 - (vi) Kedai Serbaneka Stesen Minyak (*Petrol Station Convenient Store*);
 - (vii) Kedai Rangkaian (*Chain Store*);
 - (viii) Farmasi (*Pharmacy*) dan Klinik (*Clinic*); dan
 - (ix) Lain-lain premis perniagaan berkaitan yang akan dimasukkan ke dalam senarai ini pada masa akan datang (*Others*).

Pasar awam, penjaja dan kompleks penjaja milik PBT adalah dikecualikan dan tertakluk kepada dasar, undang-undang dan peraturan semasa Kerajaan Negeri. Namun, premis ini digalakkan untuk menyertai dan menyahut kempen tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)24

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

24. Nyatakan langkah-langkah penguatkuasaan serta matlamat utama penubuhan *Marine Sanctuary* bagi melindungi biodiversiti laut di kawasan *Middle Bank* dan ladang rumput laut.
- (a) Adakah Kerajaan Negeri akan membatalkan pewartaan zon pembangunan kawasan tersebut dan menggazetkannya semula sebagai *Marine Sanctuary*?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Sekiranya *Middle Bank* diwartakan sebagai santuari marin Negeri Pulau Pinang, kawasan ini berpotensi berfungsi sebagai tapak semaian hidupan laut, pemuliharaan ekologi marin serta destinasi *edu-tourism* dan *regenerative tourism* bagi tujuan pembelajaran, penyelidikan dan kesedaran alam sekitar. Langkah penguatkuasaan yang dicadangkan termasuk pemasangan pelampung sempadan, pelaksanaan "Open Sea Season" bagi kawalan tangkapan dan saiz hasil laut, pemantauan kualiti air menggunakan teknologi IoT dan AI, pengawalan jumlah pengunjung berdasarkan *carrying capacity*, serta penetapan jenis projek pemuliharaan yang sesuai di kawasan tersebut.
- (a) Penang Institute dan CEMACS (USM) mencadangkan agar kawasan *Middle Bank* dikeluarkan daripada Rancangan Struktur Negeri dan Rancangan Tempatan Pulau Pinang sebagai kawasan berpotensi tambakan, serta dizonkan semula sebagai santuari marin mengikut

peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976
(Akta 172).

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)25

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

25. Apakah hasil kajian trafik di persimpangan lampu isyarat Jalan Kampung Benggali, Sungai Puyu yang menyebabkan kesesakan pada waktu kemuncak?
- (a) Adakah Kerajaan Negeri akan menukar sistem kawalan lampu isyarat di kawasan tersebut supaya boleh selari dengan sistem kawalan terkini di persimpangan Lebuh Raya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) berdekatan Jalan Bagan Lalang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Hasil kajian trafik di persimpangan lampu isyarat Jalan Kampung Benggali, Sungai Puyu mendapati bahawa punca kesesakan lalu lintas pada waktu puncak di kawasan tersebut adalah reka bentuk jalan sedia ada yang terhad dan lorong yang sempit. Persimpangan Jalan Kampung Benggali/Sungai Puyu hanya mempunyai satu (1) lorong bagi setiap arah tanpa lorong khas bagi kenderaan membelok ke kanan atau kiri. Keadaan ini menyebabkan konflik pergerakan kenderaan di persimpangan dan meningkatkan masa menunggu semasa lampu isyarat merah. Kajian keperluan pelebaran jalan atau penambahan lorong khas membelok kanan/kiri perlu dilaksanakan supaya cadangan penyelesaian yang optimum dapat dikenal pasti. Sekiranya infrastruktur jalan tidak ditambah baik, kesesakan akan terus berlaku disebabkan kapasiti kenderaan yang kian bertambah.

- (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) kini dalam proses pelaksanaan sistem penyelarasan lampu hijau secara serentak (*greenwave*) di kedua-dua persimpangan utama iaitu Jalan Kampung Benggali/Sungai Puyu dan Jalan Bagan Lalang/Lebuhraya Lingkaran Luar Butterworth (BORR). Sistem ini menggunakan kaedah plan berbilang (*multiplan*) dengan kawalan masa tetap (*fixed-time control*) bagi memastikan aliran trafik lebih lancar dan seimbang antara kedua-dua simpang. Kaedah ini masih dalam pemantauan oleh pihak MBSP sehingga tetapan masa fasa lampu isyarat yang optimum dapat diperoleh dengan keadaan infrastruktur jalan sedia ada di tapak.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)26

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

26. Senaraikan jumlah sekolah yang tidak mempunyai garisan lintasan pejalan kaki dan lampu amaran kepada pengguna jalan raya di sekitar kawasan Parlimen Bagan.
- (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan murid dan pelajar semasa di jalan raya berhadapan sekolah?

**YB H'NG MOOI LYE
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Berdasarkan semakan Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) terdapat sebanyak 27 buah sekolah yang berada di dalam kawasan Parlimen Bagan. Kesemua 27 buah sekolah tersebut telah mempunyai garisan lintasan pejalan kaki yang lengkap.
- (a) Langkah Kerajaan Negeri melalui pelbagai jabatan dalam usaha meningkatkan tahap keselamatan murid dan pelajar di jalan raya berhadapan sekolah adalah seperti berikut:
- (i) Menjalankan Audit Keselamatan Jalan *Road Safety Audit* di lokasi sekolah berisiko bagi menentukan keperluan pemasangan lampu amaran berkedip, lintasan pejalan kaki, papan tanda had laju dan bonggol jalan;

- (ii) Mewujudkan Zon Keselamatan Sekolah (School Safety Zone) dengan garisan kuning dan tanda amaran bagi memperlahankan kelajuan kenderaan;
- (iii) Melaksanakan kerja pengecatan semula lintasan pejalan kaki, penyelenggaraan lampu amaran sedia ada serta pembaikan bonggol dan tanda jalan melalui JKR dan MBSP;
- (iv) MBSP menyediakan warden trafik sekolah bagi membantu kawalan keselamatan semasa waktu ketibaan dan kepulangan murid;
- (v) Bahagian Keselamatan Jalan Raya, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengadakan kempen kesedaran keselamatan jalan raya bersama sekolah, ibu bapa dan komuniti; dan
- (vi) Program "Polis Sekolah Angkat" dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) bersama Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah bagi meningkatkan pemahaman berkaitan keselamatan jalan raya.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)27

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

27. Apakah langkah Kerajaan Negeri bersama PDRM dalam usaha membanteras kegiatan lumba haram yang semakin aktif di sekitar Ampang Jajar dan Lebu Raya Lingkaran Luar Butterworth (BORR)?
- (a) Senaraikan kesalahan dan jumlah tangkapan yang telah direkodkan sejak 1 Januari sehingga 24 Oktober 2025 melibatkan kegiatan lumba haram itu.

JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI

27. Usaha yang telah diambil oleh pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam membanteras kegiatan lumba haram ataupun mat rempit ialah seperti menjalankan operasi secara berkala, mengenalpasti lokasi dan masa kegiatan mat rempit berlangsung serta melaksanakan Sekatan Jalan Raya (SJR) dan menjalankan operasi bersepadu bersama lain- lain agensi seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).
- (a) Berikut merupakan Statistik Tangkapan Kegiatan Lumba Haram atau Mat Rempit dari 1 Januari sehingga 20 Oktober 2025 di negeri Pulau Pinang seperti berikut:
- (i) Jumlah Operasi : 319;
- (ii) Jumlah Saman : 9,606 saman;

- (iii) Jumlah Kenderaan disita Sek. 64 (1) APJ 1987 : 1, 777 Kenderaan; dan
- (iv) Tangkapan Sek. 42(1) APJ 1987 : 113 Tangkapan

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)28

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

28. Berapakah jumlah kamera litar tertutup (CCTV) yang telah dipasang di jalan utama sekitar kawasan Parlimen Bagan dan masih berfungsi?
- (a) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menambah pemasangan CCTV di beberapa lokasi tumpuan lain untuk membendung peningkatan kejadian jenayah?

YB H'NG MOOI LYE

MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI

28. Sejumlah 17 unit kamera litar tertutup (CCTV) telah dipasang dan masih berfungsi di jalan utama sekitar kawasan Parlimen Bagan.
- (a) Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk menambah bilangan CCTV di beberapa lokasi tumpuan lain. Bagi tujuan tersebut, Kerajaan Negeri akan bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) untuk pemasangan CCTV tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

29. Kerajaan Negeri melalui kerjasama dengan Kerajaan Kawasaki dan Agensi Kerjasama Antarabangsa Jepun (JICA) telah menjalankan kajian mengenai sumber dan masalah air di Pulau Pinang sejak tahun 2022. Apakah hasil serta dapatan utama kajian tersebut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. Hasil serta dapatan utama daripada kajian menerusi program kerjasama teknikal JICA dan Bandar Kawasaki adalah penyediaan draf Laporan Pelan Induk Pengurusan Sumber Air Pulau Pinang (*Penang Water Resources Management Master Plan*). Laporan ini akan menjadi rujukan asas dalam memperkukuh pelaksanaan Enakmen Sumber Air Pulau Pinang 2025 serta pembentukan Lembaga Sumber Air Pulau Pinang yang akan ditubuhkan kelak.

Pelan Induk ini merangkumi kerangka strategik yang komprehensif bagi menangani isu pengurusan sumber air secara mampan, termasuk langkah melindungi kawasan tadahan, mengawal pencemaran sungai, serta menggalakkan penerapan teknologi pintar untuk menjamin kelestarian dan keselamatan air negeri.

Pencapaian visi dan matlamat Pelan Induk ini amat bergantung kepada penerapan teknologi inovatif, khususnya melalui kerjasama strategik berterusan dengan JICA dan Bandar

Kawasaki, yang telah memberi manfaat besar kepada Negeri Pulau Pinang.

Kajian ini turut menyediakan platform untuk pertukaran pandangan dan pengalaman dua hala dalam bidang pengurusan sumber dan bekalan air, sistem pembedungan, mitigasi banjir, serta teknologi rawatan air yang lebih maju. Hasil daripada perkongsian ini menunjukkan bahawa pemindahan teknologi akan lebih berkesan sekiranya dilaksanakan melalui kerjasama jangka panjang yang disertai dengan latihan teknikal, pelaksanaan projek perintis, serta program pembangunan yang strategik.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KELIMA BELAS
14 NOVEMBER 2025**

PERKARA : 4(A)(XXVII)30

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PUYU
YB PHEE SYN TZE**

30. Apakah rancangan Kerajaan Negeri bagi mengatasi masalah keadaan tanah lemah di Jalan Bagan Lalang yang pernah menyebabkan mendapan jalan dan lubang benam pada sebelum ini?
- (a) Adakah Jalan Bagan Lalang itu masih boleh menampung kenderaan berat pada setiap hari?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

30. Kejadian lubang benam (*sinkhole*) besar yang telah berlaku di Jalan Bagan Lalang adalah disebabkan oleh kegagalan saluran kumbahan pada anggaran kedalaman tujuh (7) meter (m). Kerja-kerja menaik taraf paip kumbahan sedang dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pembedungan (JPP) melalui projek penaiktarafan Loji Rawatan Kumbahan Serantau (LRKS) di Mak Mandin dan pembinaan rangkaian paip pembedungan dalam kawasan tadahan Butterworth Utara. Kerja-kerja penggantian paip pembedungan juga akan dijalankan di bawah projek ini sekaligus dapat menyelesaikan masalah mendapan jalan dan lubang benam yang berlaku sebelum ini.
- (a) Sehingga kini, Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) tidak menerima sebarang aduan berhubung kejadian mendapan jalan di Jalan Bagan Lalang setelah kerja-kerja pembaikan dilaksanakan oleh Indah Water Konsortium (IWK) pada tahun 2023.